16 Julai, 1981

# Dr. M: Belum pasti kes seperti Siddiq tak berlaku lagi

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, tidak dapat dipastikan kes separti Siddiq Ghouse tidak akan berlaku.

"Kita boleh menapis seseorang, tetapi kita tidak dapat mempastikan sesuatu tidak akan berlaku," katanya kepada soalan sama ada Kerajaan bercadang menapis semua pegawai kanannya.

Beliau menyebut demikian ketika ditemui oleh para pemberita selepas menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional, di Seri Taman petang ini.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia